

Dr. Mahathir pungut RM607,671.77 pandu Porsche

SEPANG 16 Jan. — Kemunculan Tun Dr. Mahathir Mohamad di Litar Antarabangsa Sepang hari ini memandu Porsche Cayenne mencetuskan sambutan luar biasa di kalangan peminat sukan bermotor apabila sebanyak RM607,671.77 berjaya dipungut dalam kempen Pelumba Bersatu Bantu Mangsa Bencana Tsunami.

Peluang untuk menyaksikan bekas Perdana Menteri yang dianggap “bapa sukan permotoran negara” memandu kereta itu mengelilingi litar sejauh 5.543 kilometer begitu menarik minat mereka.

Beliau membawa sembilan pembida tertinggi mengelilingi litar sebanyak tiga pusingan dan antara penumpang yang bertuah ialah pengarah urusan Kumpulan Naza, Tan Sri S.M Nasimuddin S.M Amin yang turut menyerahkan sumbangan peribadi RM50,000.

Pengarah urusan H20 Sdn. Bhd., iaitu penganjur perlumbaan Bot Laju Formula Satu Malaysia, Datuk



TUN Mahathir Mohamad memandu kereta sambil membawa salah seorang penderma tertinggi, Dr. Cam Soh Thiam Hong untuk Tabung Bencana Tsunami di Sepang semalam.

Um-17/1/2005: 2

Yahya Jalil dan ketua pegawai eksekutif Kumpulan Sapura, Datuk Sharil Shamsuddin merupakan penyumbang tertinggi masing-masing dengan RM100,000.

Derwawan lain pula menyerahkan sumbangan peribadi mereka pada majlis yang disempurnakan oleh Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak selaku pengerusi Tabung Bencana Alam Negara.

“Kejayaan program hari ini mengutip lebih RM-600,000 merupakan satu

pencapaian di luar dugaan,” kata Najib yang agak terkejut dengan sambutan hebat yang diberikan oleh peminat sukan bermotor semalam.

“Ia menunjukkan keprihatinan rakyat Malaysia tanpa mengira latar belakang. Saya ingin berterima kasih kepada SIC (Sepang International Circuit) sebagai penganjur dan Tun Dr. Mahathir kerana sokongan yang diberi dalam membantu mangsa tsunami,” katanya pada majlis tersebut di Litar Sepang semalam.